

22 OCT 2001

SELESAI ISU PALESTIN : NIK AZIZ SARANAN DR MAHATHIR KEPADA AMERIKA

JELI, 22 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Amerika Syarikat menyelesaikan segera isu Palestin sebelum memerangi keganasan antarabangsa.

"Saya sependapat dengan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Mahathir semasa berbincang dengan Presiden Amerika Syarikat George W. Bush sempena mesyuarat APEC di Shanghai Sabtu lepas, berkata keganasan antarabangsa tidak akan berakhir sekiranya krisis di Asia Barat belum selesai.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata mengikut sejarah, Amerika Syarikat bertanggungjawab memisahkan negara Palestin sehingga menjadi dua, satu kepada Arab dan satu lagi Yahudi dan ini menyebabkan pertelagahan berlaku hingga sekarang.

Terdahulu, ketika melancarkan Bulan Membaca peringkat Kelantan, beliau berkata tabiat orang Melayu sehingga sekarang yang tidak suka membaca, menyebabkan golongan lelaki suka menghabiskan masa dengan berbual manakala wanita pula lebih suka membeli belah dan mengumpul barang kemas secara berlebihan.

Sempena Bulan Membaca ini, Nik Aziz meminta semua golongan menggunakan perpustakaan di tempat masing-masing untuk merujuk bahan bacaan bagi mendapatkan ilmu.

-- BERNAMA

RAR MAI